

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945: PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MALAYAN PEOPLE'S ANTI JAPANESE ARMY (MPAJA)

Ho Hui Ling*

Pengenalan

Penaklukan Jepun bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Singora dan Patani, Thailand serta Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941. Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu dilakukan melalui tiga penjuru, iaitu dari utara melalui Jitra, Jalan Keroh-Grik dan melalui Pantai Timur. Pada 11 Januari 1942, Jepun menduduki Kuala Lumpur dan tentera Jepun terus mara untuk menakluki Kajang dan Klang. Berikutan kejatuhan pertahanan British di Singapura pada 15 Februari 1942, seluruh Tanah Melayu telah jatuh ke tangan Jepun.¹ Pentadbiran tentera Jepun telah menyusun semula unit politik di wilayah itu dengan menjadikan Singapura sebagai pusat wilayah pentadbiran tentera dengan menggabungkan Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Sumatera.²

* Dr. Ho Hui Ling ialah pensyarah kanan Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Pada 1.15 pagi, 8 Disember 1941, Jepun mendarat di Singora dan Patani di Thailand serta Kota Bharu di Kelantan. Dari Singora, tentera Jepun mara ke arah selatan di sebelah pantai barat. Pada 12 Disember 1941, pertahanan British di Jitra, Utara Kedah ditembusi dan Alor Setar, Kedah ditakluki pada 13 Disember 1941. Pulau Pinang ditakluki oleh tentera Jepun pada 17 Disember 1941. Pada 24 Disember 1941, Kuala Kangsar, Perak ditawan oleh Jepun. Seterusnya, Ipoh, Perak jatuh ke tangan Jepun pada 28 Disember 1941. Manakala Slim River, Perak ditawan oleh tentera Jepun pada 7 Januari 1942. Empat hari kemudian, iaitu pada 11 Januari 1942, tentera Jepun menduduki Kuala Lumpur. Seterusnya, tentera Jepun mara ke selatan menuju ke Seremban dan Tampin di Negeri Sembilan. Pada 15 Januari 1942, Gemas, Negeri Sembilan ditakluki oleh tentera Jepun. Kemudiannya, tentera Jepun menuju ke Segamat, Kluang, Johor Bahru di Johor dan akhirnya Singapura. Pada 15 Februari 1942, Singapura jatuh ke tangan Jepun. Pada masa yang sama, tentera Jepun yang masuk melalui Patani, Thailand berjaya menduduki Kroh. Perak pada 14 Disember 1941. Selepas itu, tentera Jepun mara menyusuri pantai barat Tanah Melayu. Teluk Anson, Perak ditawan pada 2 Januari 1942 dan Kuala Selangor, Selangor ditakluki pada 1 Januari 1942. Pada 10 Januari 1942, Port Klang, Selangor ditakluki oleh tentera Jepun. Seterusnya, tentera Jepun mara ke Morib, Selangor; Port Dickson, Negeri Sembilan; Melaka dan menduduki Muar, Johor pada 16 Januari 1942. Kemudiannya, tentera Jepun menuju ke Batu Pahat dan kemudian sampai ke Johor Bahru, Johor sebelum ke Singapura. Sementara itu, dari Kota Bharu, Kelantan, tentera Jepun menuju ke Kuala Terengganu, Terengganu dan menaklukinya pada 13 Disember 1941. Kuantan, Pahang ditawan oleh tentera Jepun pada 31 Disember 1941 dan seterusnya ke Endau dan Mersing, Johor, pada 26 Januari 1942 sebelum sampai di Singapura. Dengan itu, bermulalah zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang hanya berakhir pada Ogos 1945. Lihat Ho Hui Ling, 'Keadaan Sosial di Tanah Melayu, 1948-1960', Tesis Ph.D., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003, hlm. 42-43.

2 Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, London: MacMillan Press Limited, 1982, hlm. 288.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

Sebagaimana penjajah lain, pentadbiran Jepun bertujuan untuk menguasai kekayaan sumber semulajadi di Tanah Melayu dengan meletakkan pengaruh dan kawalan ke atas penduduknya. Bagaimanapun, secara umumnya, penduduk memberi reaksi berlainan terhadap pentadbiran Jepun sebagaimana yang dinyatakan oleh Paul H. Kratoska dalam bukunya bertajuk *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*:

... Japan conquered Malaya to obtain the peninsula's rich natural resources, the Japanese ruled autocratically and used terror to control the population; the Chinese were hostile to the Japanese, the Malays collaborated, and the Indians were won over by the promise of support for Indian independence.³

Serangan dan penaklukan Jepun ke atas Tanah Melayu telah menyebabkan penduduk Cina khususnya mencari perlindungan sementara di bawah Parti Komunis Malaya (PKM) bagi mengelakkan diri daripada diseksa dan dibunuh oleh tentera Jepun. Dengan menggunakan sentimen anti-Jepun, PKM telah menyusun satu gerakan penentangan yang dikenali sebagai *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau lebih dikenali sebagai Bintang Tiga. MPAJA dibentuk dengan tujuan menentang dan menghalau Jepun dari Tanah Melayu serta seterusnya PKM boleh mengambil alih kuasa pentadbiran di Tanah Melayu. Dengan itu, orang Cina melihat MPAJA sebagai pelindung kepada serangan dan kekejaman Jepun terhadap komunitinya. Dengan demikian, zaman pendudukan Jepun menyebabkan komunis mendapat sambutan daripada kalangan orang Cina akibat dasar Jepun yang kejam terhadap komuniti ini.

Artikel ini bertujuan untuk memaparkan penglibatan orang Cina menentang pentadbiran Jepun semasa Perang Dunia Kedua atau Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Tindakan penentangan orang Cina itu dapat dilihat melalui kebangkitan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) dan penglibatan mereka dalam gerakan MPAJA sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penglibatan orang Cina adalah disebabkan dasar pemerintahan Jepun yang bersifat kekejaman dan penindasan terhadap orang Cina di Tanah Melayu. Dasar Jepun itu telah menyebabkan kesusahan dan penderitaan kepada orang Cina. Justeru itu, mereka mula mencari perlindungan di bawah MPAJA yang dibentuk dengan tujuan utamanya untuk menentang Jepun.

Dasar Pemerintahan Jepun Terhadap Orang Cina

Pada tahun 1941, penduduk Tanah Melayu terdiri daripada sejumlah 1,778,331 orang Cina, dengan 2,200,121 orang Melayu, 684,364 orang India, 16,781 orang Eropah, 11,009 orang

3 Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*. Australia: Allen & Unwin, 1998, hlm. 1.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

Eurasian dan lain-lain seramai 48,909 orang.⁴ Justeru itu, sejumlah lebih 1.7 juta orang Cina di Tanah Melayu pada masa itu telah berdepan dengan bahaya serangan dan kekejaman Jepun pada zaman pendudukan Jepun.

Dasar dan layanan pemerintahan Jepun terhadap orang Cina adalah lebih kejam berbanding dengan orang Melayu dan India. Ini kerana sentimen anti-Jepun yang muncul di kalangan orang Cina ketika Jepun menakluki Manchuria pada tahun 1931. Sebuah pertubuhan anti-Jepun dan anti-penjajah telah ditubuhkan oleh orang Cina di Singapura dengan nama *Malayan Anti-Imperialist League*. Begitu juga, dasar Jepun terhadap orang Cina juga berkait dengan sumbangan dan penglibatan orang Cina di Tanah Melayu dalam Perang China-Jepun yang berlaku di negara China pada tahun 1937. Orang Cina di Tanah Melayu telah memulaukan barangan Jepun dan mengutip derma bagi membantu pemimpin China dalam menentang pencerobohan Jepun di China. Sehubungan ini, orang Cina di Tanah Melayu dan Singapura telah menubuhkan *China Relief Fund* (Tabung Bantuan Perang Negara China) dan Pergerakan Tentera Pembebasan Nasional Nanyang (*Nanyang National Salvation Movement*) bagi memberi bantuan kepada negara China untuk menentang Jepun. Penglibatan orang Cina itu telah menanam perasaan permusuhan dan kebencian Jepun terhadap orang Cina. Sehingga apabila Jepun berjaya menguasai Tanah Melayu, perasaan tidak suka terhadap orang Cina di Tanah Melayu turut dibawa oleh Jepun. Situasi itu telah dinyatakan oleh Wang Gungwu dalam "Memories of War: World War II in Asia" yang berbunyi "... the Chinese who were victims of past wars, and an ongoing one that was brought from China and recast in local terms."⁵

Kebencian tentera Jepun terhadap orang Cina terserlah apabila Jeneral Yamashita telah melakukan penyiasatan dan pemeriksaan serta Operasi "Sook Ching" atau Operasi "Pembersihan" (*purification by elimination*) ke atas orang Cina di Tanah Melayu. Operasi itu bertujuan untuk menghapuskan orang Cina yang anti-Jepun. Kumpulan orang Cina ini terdiri daripada mereka yang mengambil bahagian dalam *China Relief Fund*, pengikut-pengikut Tan Kah Kee yang terlibat dalam *Nanyang National Salvation Movement*, ahli Kuomintang (KMT), guru-guru, peguam-peguam, orang Cina Hainan, orang Cina lahir di China yang datang ke Tanah Melayu selepas tahun 1937, lelaki bertatu (dianggap sebagai ahli persatuan sulit), kakitangan awam yang menunjukkan pro-British, dan sesiapa sahaja yang boleh membahayakan orang awam.⁶

Penyiasatan dan Operasi "Sook Ching" telah dimulakan oleh pentadbiran Jepun di Singapura pada 17 Februari 1942. Semua lelaki Cina di Singapura berumur 18 hingga 50 tahun diarahkan berkumpul di lima buah pusat yang ditetapkan dengan membawa bersama bekalan untuk seminggu. Selepas pemeriksaan dilakukan, tentera Jepun membawa pergi sekumpulan besar orang Cina itu dan menahan mereka.⁷ Operasi itu telah diperluaskan ke

4 Ibid., hlm. 107.

5 Wang Gungwu, "Memories of War: World War II in Asia", dalam P. Lim Pui Huen dan Diana Wong (eds.), *War and Memory in Malaysia and Singapore*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2000, hlm. 18.

6 Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 96-97.

7 Ibid., hlm. 95. Dalam buku Cheah Boon Kheng, dicatatkan sejumlah 70,699 orang Cina anti-Jepun telah ditahan oleh Jepun di Singapura setelah operasi itu dijalankan. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press, 1983, hlm. 22.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

negeri-negeri Melayu pada awal Mac 1942. Ramai orang Cina telah menjadi mangsa Operasi “Sook Ching”. Pada 5 April 1942, misalnya, Operasi “Sook Ching” dijalankan secara besar-besaran di kawasan Georgetown, Pulau Pinang dan pada hari berikutnya operasi dijalankan di tempat-tempat lain di Pulau Pinang. Hasil daripada operasi itu, seramai 5,000 orang telah ditahan di penjara untuk tindakan selanjutnya. Mereka ini dilabelkan kepada empat kategori, iaitu penentang Jepun, komunis, orang berpendidikan Cina dan penjenayah. Beberapa orang daripada mereka kemudian telah dibebaskan, sebahagian pula dibunuh dan sejumlah daripada mereka mati apabila penyakit kolera merebak dalam penjara yang penuh sesak dengan orang tahanan.⁸ Dianggarkan sejumlah 6,000 hingga 40,000 orang Cina yang menjadi mangsa Operasi “Sook Ching” yang dijalankan oleh pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.⁹

Kekejaman Jepun terhadap orang Cina berlaku apabila tentera Jepun bergerak ke kawasan pedalaman dan menganggap semua orang Cina adalah musuh mereka. Dengan itu, mereka melakukan pembunuhan beramai-ramai di kampung Cina dan kawasan petempatan orang Cina. Tentera Jepun menyerbu kampung Cina, membunuh orang Cina dengan benet, menembak penduduk Cina dengan senapang atau membakar mereka. Dalam satu kejadian, di Perak, lebih 100 orang Cina telah dikumpulkan di dalam sebuah rumah atap dan dibakar hidup-hidup oleh tentera Jepun. Dalam kejadian lain, 160 orang penduduk Cina di sebuah kampung Cina telah dimuatkan ke dalam lori-lori dan dibawa pergi dari kawasan itu. Kaum lelaki diminta menggali parit. Dalam parit itu kemudian, lelaki, wanita dan kanak-kanak ditembak mati oleh tentera Jepun.¹⁰ Sementara itu, pada 18 Mac 1942, sebuah kampung Cina di Titi, Negeri Sembilan, iaitu E-Lang-Lang, telah diserbu oleh sekumpulan 20 hingga 30 orang tentera Jepun di bawah pimpinan Komander Iwahuzi. Dalam kejadian itu, dilaporkan beberapa ratus penduduk Cina termasuk kanak-kanak dan bayi telah dibunuh oleh tentera Jepun.¹¹

Kekejaman Jepun terhadap orang Cina juga dapat dilihat dimana ramai orang Cina dibunuh oleh tentera Jepun dan dilabelkan sebagai anti-Jepun. Kepala mangsa dipotong dan dipamerkan di kawasan-kawasan utama di sesebuah negeri Melayu kepada orang ramai. Keadaan ini telah berlaku di beberapa buah bandar ketika Jepun memulakan zaman pendudukannya di Tanah Melayu. Di Singapura misalnya, kepala-kepala mangsa digantung berdekatan jambatan merentasi Sungai Singapura. Di Pulau Pinang pula, kepala mangsa dipotong dan digantung pada tiang-tiang di tengah-tengah kawasan pasar. Di Taiping, tentera Jepun memotong kepala empat orang pembantu kantin berbangsa Cina Hainan dan mempamerkan kepala mereka untuk orang awam.¹² Tindakan Jepun itu bertujuan untuk menimbulkan ketakutan di kalangan orang Cina khususnya dan penduduk Tanah Melayu amnya supaya mereka tidak menentang pentadbiran Jepun.

Selain itu, kaum wanita Cina telah mengalami penyeksaan yang teruk pada zaman itu. Kaum wanita sama ada muda ataupun tua telah menjadi mangsa pemuas nafsu oleh

8 Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 99.

9 Jumlah mangsa Operasi “Sook Ching”: angka yang diberi oleh Jepun adalah 6,000 orang, manakala angka yang diberi oleh orang Cina ialah 30,000 dan 40,000 orang. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 23.

10 Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, Singapore: Graham Brash Ltd., 2001, hlm. 305.

11 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 23.

12 Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 94.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

tentera-tentera Jepun. Mereka diseksa sebelum dirogol secara berkumpulan oleh tentera Jepun. Keadaan itu telah digambarkan oleh Yeo Song Nian dan Ng Siew Ai dalam tulisannya yang bertajuk “The Japanese Occupation as Reflected in Singapore-Malayan Chinese Literary Works after the Japanese Occupation (1945-49)”:

The Japanese Army has to be a kind of animal. The number of rape cases that happened after the Japanese landed in Malaya was frightening. Even old women were unable to escape from them. When the Japanese soldier has to satisfy his sexual needs, he would go to extremes to do it. It was especially so for the lower rank soldiers. They were sadists. The female prisoners, apart from the usual torture that all prisoners were subjected to, were humiliated and have suffered in ways beyond words. The Japanese would strip the female prisoners, fondle their bodies and burn their nipples with cigarette butts, before gang-raping them.¹³

Pada zaman ini juga, pentadbiran Jepun telah bertindak menutup sekolah Cina kerana sukatan pelajarannya dipengaruhi oleh nasionalisme China yang boleh membahayakan kedudukan pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Begitu juga, segala bentuk pertubuhan kaum Cina seperti persatuan dialek dan suku kaum telah diharamkan oleh Jepun. Tindakan pentadbiran Jepun ini juga adalah antara sebab yang menyebabkan orang Cina kemudian mengalihkan perhatian untuk menyokong MPAJA bagi menentang Jepun.

Walaupun pemerintahan Jepun telah membubarkan banyak persatuan dan organisasi orang Cina, tetapi pentadbiran Jepun memperkenalkan sebuah pertubuhan baru kepada masyarakat Cina. Mereka digalakkan dan dibenarkan oleh pentadbiran Jepun untuk membentuk *Oversea Chinese Association* (OCA). Pertubuhan ini dibentuk di Singapura pada mulanya dan kemudian cawangan OCA turut ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu sebagai agen utama bagi pentadbiran Jepun untuk berhubung dengan komuniti Cina. Dr. Lim Boon Keng telah dilantik oleh pihak Jepun sebagai Pengerusi OCA Singapura.¹⁴ Pemimpin lain OCA termasuklah S.Q. Wong dan Ching Kee Sun dari Singapura, Heah Joo Seang dari Pulau Pinang, K.C. Chan dari Perak serta Wong Tet San dan Choo Kia Peng dari Selangor. Kesemua mereka merupakan pemimpin Cina yang penting di negeri-negeri berkenaan.

Selain tekanan sosial, orang Cina di Tanah Melayu juga ditindas dari segi ekonomi. Orang Cina dipaksa membayar wang sejumlah \$50 juta sebagai tanda penebusan dosa ke atas penentangan mereka terhadap pihak Jepun pada masa yang lampau melalui *Voluntary*

13 Yeo Song Nian dan Ng Siew Ai, “The Japanese Occupation as Reflected in Singapore-Malayan Chinese Literary Works after the Japanese Occupation (1945-49)”, dalam P. Lim Pui Huen dan Diana Wong (eds.), *War and Memory in Malaysia and Singapore*, hlm. 114.

14 Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 100.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

Contribution Campaign yang dianjurkan oleh Jepun. OCA telah diberi tugas oleh pemerintahan Jepun untuk mengutip wang tersebut daripada orang Cina di Tanah Melayu. Jawatankuasa OCA mengambil keputusan semua orang Cina di Tanah Melayu termasuk di Singapura dikehendaki menyumbang wang berdasarkan harta benda dan kekayaan mereka. Kekayaan orang Cina dinilai berpanduan rekod cukai mereka pada zaman sebelum perang berlaku. Cara mengutip wang daripada masyarakat Cina yang ditetapkan oleh OCA adalah seperti berikut:

- Orang Cina yang memiliki harta bernilai \$3000, dikenakan 8% daripada jumlah hartanya;
- Peniaga Cina dikenakan cukai 5-12% daripada harta miliknya;
- Pekedai dikenakan 5-12% daripada stok yang berada di dalam kedai;
- Cukai kepala sebanyak \$3.00 bagi setiap ahli keluarga;¹⁵

Untuk mengumpulkan jumlah wang \$50 juta daripada masyarakat Cina, jawatankuasa OCA turut menetapkan pembahagian bayaran wang tersebut bagi setiap negeri Melayu dan Singapura seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan setiap negeri Melayu termasuklah Singapura turut dipertanggungjawabkan untuk mengumpul wang tuntutan Jepun berdasarkan jumlah orang Cina yang terdapat di negeri berkenaan.

Jadual 1: Pembahagian Peruntukan Bayaran Mengikut Negeri

Negeri	Jumlah (\$)
Singapura	10,000,000
Selangor	10,000,000
Perak	8,000,000
Pulau Pinang	7,000,000
Melaka	5,500,000
Johor	5,000,000
Negeri Sembilan	1,500,000
Kedah	1,100,000
Pahang	900,000
Kelantan	500,000
Terengganu	300,000
Perlis	200,000
Jumlah Keseluruhan	\$50,000,000

Sumber: Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, Singapore: Graham Brash Ltd., 2001, hlm. 305.

¹⁵ Ibid., hlm. 102.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

Keadaan ini menyebabkan orang Cina hidup dalam kesengsaraan kerana mereka terpaksa menjual harta benda bagi mendapatkan jumlah wang tersebut. Bryan C. Cooper dalam bukunya, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, telah menggambarkan tekanan kewangan itu amat menyeksakan orang Cina di Tanah Melayu. Orang Cina terpaksa menjual apa sahaja yang ada termasuk kereta, rumah, barang kemas dan ladang getah dengan harga yang murah untuk menjelaskan “hutang” kepada pihak Jepun. Misalnya, dikatakan seekor ladang getah hanya dijual dengan harga \$45 pada tahun 1943¹⁶ kerana dalam keadaan terdesak bagi memperolehi wang tunai untuk memenuhi tuntutan Jepun. Di samping itu, cukai kepala untuk setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak Cina turut dikenakan bagi mencukupkan wang yang dituntut oleh pentadbiran Jepun. Sementara itu, pekedai-pekedai pula perlu menyumbang sebanyak lima hingga 12 peratus daripada stok barangan mereka kepada jumlah wang yang diminta oleh Jepun. Tindakan Jepun itu telah memberi tekanan dan kesusahan kepada orang Cina. Bagaimanapun, hanya sejumlah \$28 juta dapat dikutip oleh OCA daripada masyarakat Cina di Tanah Melayu. Bakinya, sejumlah \$22 juta telah dipinjam oleh OCA dari Yokohama Specie Bank dengan kadar bunga 6%. Dengan itu, wang sejumlah \$50 juta itu kemudian telah diserahkan kepada Jeneral Yamashita.¹⁷

Tekanan ekonomi lebih terasa oleh orang Cina pada zaman pendudukan Jepun. Peniaga Cina yang disyaki menaruh taat setia kepada kerajaan China dan terlibat dalam gerakan anti-Jepun telah dirampas harta benda mereka. Namun demikian, pengeluar kecil, peniaga runcit dan pembekal dibenarkan meneruskan perniagaan mereka dengan membekalkan barang keperluan kepada syarikat-syarikat Jepun.¹⁸ Oleh itu, dapat dikatakan masih terdapat orang Cina yang dapat mengekalkan kedudukan ekonomi mereka dengan syarat bekerjasama dengan pentadbiran Jepun. Sikap pihak Jepun terhadap golongan orang Cina ini adalah lebih lembut kerana adanya kerjasama mereka dalam bidang ekonomi. Pada masa yang sama, pihak Jepun sedar bahawa orang Cina memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi di Tanah Melayu. Di sini dapat kita lihat bahawa walaupun pentadbiran Jepun bersikap berhati-hati dengan orang Cina, tetapi mereka mengakui keupayaan dan kepentingan orang Cina dalam perkembangan ekonomi di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, Jepun tidak memandang berat tentang kepercayaan keagamaan orang Cina dan mempunyai pandangan yang rendah terhadap kemahiran politik orang Cina. Pada April 1942, satu dokumen diterbitkan yang menggariskan dasar Jepun terhadap pengaruh orang Cina dalam ekonomi sebagai “For the present, the overseas Chinese shall be utilized for economic purposes but their social power shall be gradually checked by the application of appropriate political pressures.”¹⁹

Satu pernyataan tentang dasar pemerintahan Jepun terhadap masyarakat Cina yang menekankan kesedaran Jepun tentang kepentingan orang Cina dalam pembangunan

¹⁶ Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 309.

¹⁷ Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 102-103; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 25; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 309-310.

¹⁸ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 37.

¹⁹ Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 93.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

ekonomi turut dijumpai dalam ucapan seorang pentadbir Jepun di Johor. Antaranya, beliau menyatakan bahawa:

You must always try to guide your peoples to do work according to their peculiar ways but they should not be unequally treated. For instance, the problem of Overseas Chinese; they should not be oppressed but this does not mean that they should given preferential treatment. You should encourage them to utilize their peculiar economic capabilities so as to assist us in achieving our highest object. On the other hand, if they object to our policy they will be severely dealt with and even oppressed.²⁰

Pihak Jepun mendapati cara perniagaan bebas adalah kunci utama untuk bekerjasama dengan orang Cina supaya kekayaan dan spekulasi mereka dapat memberi keuntungan kepada pentadbiran Jepun. Bagi golongan peniaga Cina yang menunjukkan kerjasama dengan Jepun, barang-barang dan harta mereka tidak akan dirampas oleh Jepun. Sebaliknya, orang Cina yang enggan bekerjasama dengan pihak Jepun akan dirampas kekayaan mereka dan seluruh keluarganya dibuang negara dan dilarang masuk semula ke negara ini.²¹ Tindakan Jepun itu telah menimbulkan keadaan kegelisahan di kalangan peniaga Cina di negeri-negeri Melayu. Oleh yang demikian, terdapat peniaga Cina yang sanggup bekerjasama dengan Jepun demi memelihara perniagaan dan harta benda mereka. Golongan ini kemudian telah dikecam oleh masyarakat sebagai pensubahat Jepun setelah Jepun menyerah kalah.

Pada lewat tahun 1944, pihak Jepun telah cuba untuk memperbaiki hubungan dengan orang Cina di Tanah Melayu yang bertujuan untuk memenangi kerjasama mereka dalam sektor ekonomi. Ini kerana peniaga beras Cina Teochew di Singapura dan Pulau Pinang telah memainkan peranan penting dalam membawa masuk beras berterusan daripada Thailand ke Tanah Melayu untuk kegunaan tentera Jepun. Perkhidmatan yang diberi oleh suku kaum Cina Teochew ini telah diberi perhatian oleh pentadbiran Jepun. Memandangkan itu, akhirnya *Epposho (reading clubs)* ditubuhkan sebagai sebuah agensi yang membolehkan penduduk Cina menyalurkan perasaan tidak puas hati, tuntutan atau keinginan bekerjasama kepada pihak pentadbiran Jepun.²²

Kesusahan dan penyesakan yang dihadapi oleh orang Cina akibat tindakan penindasan serta kekejaman pentadbiran Jepun telah menyebabkan semangat anti-Jepun semakin membara di kalangan orang Cina. Dengan itu, orang Cina mencari perlindungan di bawah gerakan anti-Jepun yang ditubuhkan oleh PKM di dalam hutan, iaitu MPAJA. Komuniti Cina itu juga mula memberi bantuan kepada gerakan anti-Jepun. Kesan Operasi

20 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 93.

21 Ibid., hlm. 93-94.

22 Ibid., hlm. 47-48.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

“Sook Ching” misalnya, telah menyebabkan beratus-ratus belia dan kaum lelaki Cina masuk ke hutan untuk menyertai MPAJA bagi menentang Jepun. MPAJA ini diterajui oleh orang Cina dengan tujuan menentang Jepun yang telah banyak menyusahkan kehidupan masyarakat Cina.

Selain itu, terdapat juga sekumpulan gerila Cina yang dikuasai oleh golongan nasionalis Kuomintang (KMT) turut aktif menentang Jepun di kawasan utara Tanah Melayu terutamanya di Hulu Perak dan Kelantan. Mereka menubuhkan *Overseas Chinese Anti-Japanese Army* (OCAJA) yang dapat dikenali melalui “One Star Army”. OCAJA mempunyai anggotanya lebih kurang 400 orang di bawah pimpinan Lee Foong Sam. Gerila MPAJA melihat gerila KMT ini sebagai penjahat, “who resorted to looting, extortion and intimidation of the local population; and the KMT guerrillas considered the MPAJA as communists to whom they were politically opposed”. Penentangan antara dua kumpulan itu (MPAJA dan KMT) akhirnya dapat diselesaikan melalui satu persetujuan yang ditandatangani dimana gerila KMT bersetuju membantu komunis menentang Jepun. Namun demikian, gerila KMT masih mengekalkan pengaruhnya di kawasan Hulu Perak dan Kelantan.²³

Kebangkitan MPAJA dan Penglibatan Orang Cina

Tawaran PKM untuk bekerjasama dengan British menghadapi kemaraan Jepun telah disuarakan oleh ketua gerakan anti-Jepun, Ch'en Chia-keng pada Julai 1941. Ini kerana PKM sedar bahawa jika Jepun menguasai Tanah Melayu sudah pasti PKM akan dihapuskan dan ahli-ahlinya yang didominasi oleh orang Cina tidak dapat terlepas daripada cengkaman Jepun. Walaupun begitu, kerjasama itu ditolak oleh British pada awalnya, kerana pada masa lepas PKM menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan dan merancang mengambil alih kuasa di Tanah Melayu. Bagaimanapun, apabila Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, British akhirnya menerima tawaran PKM tersebut.²⁴ PKM telah berganding bahu dengan British untuk sama-sama menentang Jepun bagi membebaskan negara. Bentuk kerjasama antara British dengan PKM hanya terbatas kepada soal ketenteraan dan militeri sahaja. Kesepakatan tersebut tidak menyebut kemungkinan-kemungkinan untuk mencapai kerjasama atau kesepakatan di bidang politik terutamanya berkenaan kedudukan PKM atau hal-hal lain selepas perang.

23 Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 454-455. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 78;

24 Kerjasama British-Komunis dalam menangani Jepun, lihat Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 9-10; John Coates, *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*, Boulder: Westview Press, 1992, hlm. 10; Michael R. Stenson, *Industrial Conflict In Malaya, Prelude To The Communist Revolt of 194*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 54; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 58-59; Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and The Underground War Against The Japanese and The Kempeitai 1942-1945*, Singapore: Horizon Books, 2002, hlm. 31 dan 79; Ban Kah Choon, *Absent History: The Untold Story of Special Branch Operations in Singapore 1915-1942*, Singapore: Horizon Books, 2001, hlm. 230.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

Pada 19 Disember 1941, PKM membentuk *Malayan Overseas Chinese Anti-Japanese Mobilization Society* (MOCAJMS) yang diketuai oleh Ch'en Yang-ching dan bertujuan bagi menarik sokongan dan simpati daripada orang Cina dalam usaha menentang Jepun. Organisasi ini sangat aktif, di mana ia memimpin perarakan mayat orang Cina yang menjadi mangsa kekejaman Jepun, menerbitkan manifesto dan mengedarkannya di seluruh Singapura. Usaha PKM itu berhasil apabila sekumpulan 15 orang Cina di Singapura telah membentuk *Anti-Japanese Mobilization Committee* untuk membentuk satu tenaga ketenteraan bagi membantu mempertahankan Singapura. Ia merupakan pasukan sukarelawan Cina yang juga dikenali sebagai *Dalforce* dan dikatakan mempunyai ahli di antara 1,000 hingga 2,000 orang. Pasukan itu diketuai oleh Tan Kah Kee dari Singapura.²⁵ Tan Kah Kee bekerjasama dengan J.D. Dalley dari *Malayan Police Special Branch* untuk merekrut sukarelawan Cina menjadi anggota *Dalforce*. Mereka termasuklah ahli-ahli KMT, komunis dan anggota pertubuhan lain. Mereka telah bertempur dengan tentera Jepun di Singapura dan ramai yang terbunuh. Di sini dapat dilihat penentangan orang Cina di Singapura terhadap penaklukan Jepun dengan membentuk *Dalforce* bagi mempertahankan kejatuhan Singapura ke tangan Jepun. Walau bagaimanapun, usaha itu tidak berjaya dan Singapura dikuasai oleh Jepun pada 15 Februari 1942. Selepas itu, anggota-anggota *Dalforce* yang tidak dibunuh atau ditangkap oleh pihak Jepun kemudian telah menyertai MPAJA.

Apabila Singapura ditakluki oleh Jepun, PKM dalam mesyuaratnya di Singapura pada Februari 1942 telah mengemukakan program empat dasarnya yang akan dijalankan sepanjang zaman pemerintahan Jepun, iaitu:

- a. Menyatukan seluruh rakyat dan membantu British menentang Jepun.
- b. Mempersenjатаi ahli-ahli parti dan golongan massa,
- c. Menghapuskan semua agen musuh dan pengkhianat,
- d. Menghalang Jepun dari dapat mengesan dan memperolehi rahsia pergerakan PKM.²⁶

Keputusan mesyuarat itu telah memberi faedah kepada PKM dari segi politik dan militeri dimana PKM dilihat sebagai satu-satunya organisasi politik yang bersedia melibatkan diri dalam menentang Jepun berdasarkan dasar yang dirangka oleh PKM tersebut. Dengan itu, PKM berjaya dalam memperolehi banyak sokongan dari kalangan orang Cina di Tanah Melayu yang menderita pada zaman pendudukan Jepun.

25 Ramlan Hamzah, "Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", *Jebat*, Bil. 34, 1973/4/1974/5, hlm. 60. Lihat juga Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and The Underground War Against The Japanese and The Kempeitai 1942-1945*, hlm. 91-92.

26 Ramlan Hamzah, "Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", hlm.60; Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and The Underground War Against The Japanese and The Kempeitai 1942-1945*, hlm. 92.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

Kerjasama di antara komunis dengan British dalam menangani Jepun dapat dilihat melalui pencapaian persetujuan antara mereka untuk melatih gerila-gerila bagi menentang Jepun di Tanah Melayu. Berdasarkan rundingan sulit di antara Lai Teck, Setiausaha Agung PKM dengan wakil British, Mejar Chapman, British bersetuju melatih rekrut komunis yang akan berjuang menentang Jepun. Pihak PKM pula bersetuju membekalkan pemuda-pemuda Cina mengikuti latihan ketenteran di *101 Special Training School* (101 STS) yang ditubuhkan di Singapura.²⁷ Pelatih-pelatih di 101 STS telah diperkenalkan dengan cara berperang secara gerila. Seramai 165 orang rekrut komunis lepasan 101 STS telah membentuk *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau lebih dikenali sebagai Bintang Tiga. Kumpulan ini dibentuk pada Mac 1942. Mereka itu kemudian dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil, masing-masing dihantar untuk beroperasi di kawasan Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Tujuan utama penubuhan MPAJA ialah meneruskan penentangan terhadap Jepun dan menubuhkan Republik Komunis Malaya. MPAJA bergerak dengan bantuan *Malayan People's Anti-Japanese Union* (MPAJU). MPAJA beroperasi di dalam hutan, manakala MPAJU beroperasi di bandar-bandar yang dikuasai oleh musuh (Jepun).

Sepanjang zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, MPAJA telah membentuk pasukan gerilanya yang berjumlah lapan rejimen. Yang tiap-tiap satunya dikenali sebagai *Independent Regiment*. Unit pertama MPAJA ditubuhkan pada Mac 1942 yang menjalankan operasi di utara Kuala Lumpur dan Selangor. Sehingga November 1942, MPAJA mengandungi empat rejimen yang diarahkan bergerak di utara Kuala Lumpur dan Selangor (*First Independent Regiment*), Negeri Sembilan (*Second Independent Regiment* yang ditubuhkan pada 7 Jun 1942), Johor Utara (*Third Independent Regiment*) dan Johor Selatan (*Fourth Independent Regiment*). Kemudian empat lagi rejimen telah dibentuk berikutan dengan peningkatan ahli dan demi memperluaskan lagi aktivitinya ke bahagian-bahagian lain di negara ini. Rejimen-rejimen itu ialah *Fifth Independent Regiment* (Perak) pada 1 Disember 1942; *Sixth Independent Regiment* (Pahang Barat) pada 13 Ogos 1943; *Seventh Independent Regiment* (Pahang Timur) pada 1 September 1944 dan *Eighth Independent Regiment* (Kedah) pada awal Ogos 1945.²⁸

Setiap rejimen dipecahkan kepada beberapa kelompok, iaitu lima hingga enam platoon. Untuk menjadikan MPAJA sebuah organisasi yang tersusun dan bercorak ketenteraan, sebuah badan yang dikenali *Central Military Committee* PKM telah dibentuk. Ia dianggotai oleh tiga orang pemimpin penting PKM, iaitu Lai Teck, Chin Peng dan Lau Yeh (Liu Yao).²⁹ Tujuan penubuhannya ialah mengkoordinasikan kegiatan-kegiatan MPAJA

27 Ramlan Hamzah, "Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", hlm.60. Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya, 1948-1960*, London: Frederick Muller, 1975, hlm. 21. Laporan Penyiasatan Hishamuddin Mansor, "14 Hari yang Mendebarkan – Kisah Kekejaman & Kesetiakawanan", dalam *Dewan Masyarakat*, April 1990, hlm. 12-13.

28 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 60-61. Lapan rejimen MPAJA tersebut juga ada dinyatakan dalam Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 292; Ramlan Hamzah, "Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", hlm. 60-61; Ho Hui Ling, "Bintang Tiga dan Darurat di Negeri Selangor", *Malawati*, Jurnal Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan, Bil. 4, 2001, hlm. 34; Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and The Underground War Against The Japanese and The Kempeitai 1942-1945*, hlm. 117.

29 Ho Hui Ling, "Bintang Tiga dan Darurat di Negeri Selangor", hlm. 35; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 61-62. Rujuk juga *The Straits Times*, 3 December 1989, hlm. 10.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

dan unit-unitnya. MPAJA bergerak dengan bantuan *Malayan People's Anti-Japanese Union* (MPAJU). MPAJA bergerak di dalam hutan, manakala MPAJU beroperasi di kampung, pekan dan bandar untuk mendapatkan keperluan bagi MPAJA.

Pengaruh MPAJA yang dikuasai dan di bawah pimpinan PKM semakin meluas dan kuat. Dalam tempoh tiga tahun, jumlah tenteranya dikatakan telah mencapai 7,000 orang. Pada tahun 1945 menjelang kekalahan Jepun, dilaporkan masih terdapat antara 7,000 hingga 8,000 orang ahli MPAJA yang bergerak di Tanah Melayu.³⁰ Menurut Ahmad Boestaman, orang Cina berebut-rebut menjadi ahli MPAJA kerana mereka ingin mengelakkan diri daripada tekanan-tekanan pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Ini memandangkan pentadbiran Jepun telah memberi tekanan kepada orang Cina kerana orang Cina dianggap sebagai musuh tradisi mereka sejak tahun 1937.³¹ Berdasarkan buku Cheah Boon Kheng bertajuk *Red Star Over Malaya* pula dinyatakan terdapat sejumlah besar orang Cina yang enggan bekerjasama dengan Jepun telah menyertai MPAJA dan mereka adalah belia dalam lingkungan umur 18 hingga 22 tahun. Bagaimanapun, terdapat segelintir kecil tauke Cina yang memohon maaf kepada Jepun kerana penglibatan dalam gerakan anti-Jepun sebelum perang.³² Dengan itu, golongan ini boleh meneruskan perniagaan mereka dengan syarat bekerjasama dengan Jepun.

MPAJA dan pakatannya MPAJU telah mendapat sokongan kuat dari orang Cina yang membenci pihak Jepun kerana tindakan Jepun mencero bohi China melalui Perang China-Jepun 1937 dan kekejaman Jepun ke atas orang Cina di Tanah Melayu. MPAJA mendapat bantuan dan kerjasama daripada MPAJU dalam menentang pentadbiran Jepun. MPAJU membekalkan makanan dan barang keperluan kepada gerila, mengumpul dan membiayai kewangan, mendapatkan kemudahan peralatan dan kelengkapan senjata serta maklumat penting mengenai pergerakan polis dan tentera Jepun kepada gerila MPAJA supaya mereka dapat mengatur serangan dan pembunuhan. MPAJU juga turut menyusun dan merangka strategi kepada MPAJA dalam mengatur rondaan ke satu-satu kawasan yang baru. Malah, MPAJU juga berusaha untuk merekrut penduduk tempatan menjadi anggota MPAJA bagi menyertai gerakan menentang Jepun.

Pada hakikatnya, sebahagian besar anggota MPAJU dan MPAJA terdiri daripada mereka yang berjuang menentang Jepun kerana hendak membalas dendam terhadap kekejaman Jepun ataupun hendak menyelamatkan nyawa mereka daripada penindasan tentera Jepun.³³ Umumnya, MPAJA digerakkan oleh golongan muda bangsa Cina yang kebanyakannya berumur dalam lingkungan 18 hingga 22 tahun yang merupakan belia lepasan sekolah Cina dan golongan pelajar. Golongan ini merupakan kelompok umur yang sudah menyedari situasi dan tekanan keras yang dilakukan oleh tentera Jepun terhadap masyarakatnya. Selain belia Cina, terdapat juga golongan pekerja termasuklah penoreh

30 Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989, hlm. 45; Harry Miller, *Menace In Malaya*, London: George G. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 41.

31 Ramlah Adam, *Ahmad Boestaman: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 52.

32 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 46-47.

33 Lihat C.C. Too, "The Communist Party of Malaya and Its Attempts To Capture Power". Kuala Lumpur, November 1989, hlm. 2-3.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

getah, pelombong bijih timah, penanam sayur, pemotong kayu, pembantu kedai, tukang gunting rambut dan setinggan-setinggan yang juga menyertai gerakan MPAJA.³⁴ Orang Cina yang lain seperti pekedai dan peniaga pula memberi bantuan kewangan dan kebendaan kepada MPAJA melalui MPAJU. Di samping itu, terdapat juga kaum wanita Cina yang menyertai MPAJA terutama mereka yang kehilangan anggota keluarga dan saudara mara kesan daripada kekejaman Jepun.³⁵ Daripada penglibatan pelbagai golongan orang Cina dalam gerakan MPAJA itu, dapat dilihat bahawa penentangan orang Cina terhadap pemerintahan Jepun.

Sebagaimana yang disebutkan di atas, gerakan MPAJA mendapat simpati dan sokongan sebahagian besar setinggan Cina yang tinggal di pinggir hutan atau kawasan luar bandar. Golongan ini merupakan mereka yang melarikan diri daripada kekejaman Jepun di bandar dan pekan dengan berpindah ke kawasan pinggir hutan atau kawasan luar bandar sebagai setinggan. Dianggarkan pada tahun 1940, terdapat kira-kira 150,000 orang setinggan Cina di negara ini, dan pada tahun 1945 angka ini mencapai 400,000 orang.³⁶ Pihak komunis banyak bergantung kepada setinggan-setinggan ini untuk mendapatkan sumber kehidupan. Pada peringkat awalnya, MPAJA berusaha untuk tinggal berdekatan dengan kawasan setinggan Cina yang kebanyakan terletak di pinggir hutan. Bagaimanapun, tentera Jepun kemudian bertindak membakar dan memusnahkan kebanyakan kampung setinggan Cina ini dalam gerakan menentang gerila MPAJA dan golongan anti-Jepun. Dengan itu, pasukan MPAJA terpaksa berundur ke kawasan hutan pedalaman. Ramai petani-petani Cina mengikut mereka berpindah ke kawasan baru itu. Petani itu membuka tanah baru untuk menanam sayur, ubi kentang dan ubi kayu bagi menampung keperluan mereka dan juga membekalkan bahan makanan kepada gerila MPAJA.³⁷ Dengan adanya sokongan daripada orang Cina itu, gerila MPAJA bukan sahaja melancarkan serangan ke atas tentera Jepun, tetapi juga menyerang penduduk dan kampung yang bekerjasama dengan Jepun. Di sini dapat dilihat hubungan MPAJA dengan penduduk setinggan pada zaman pendudukan Jepun dan penglibatan setinggan Cina dalam menentang Jepun dengan menyokong gerakan MPAJA.

Selain itu, MPAJA telah mengatur unit-unit sukarela yang dikenali sebagai *Ho Pi Tui* (Pasukan Pengaman) di setiap kampung, bandar dan daerah. Majoriti anggotanya ialah orang Cina dengan sedikit orang India dan orang Melayu. Kumpulan ini telah diberi latihan selama dua bulan di dalam hutan oleh komunis dan mereka kemudian dihantar balik ke kampung atau kawasan masing-masing. Mereka diletakkan di bawah kawalan seorang penghuni kampung yang tua atau wakil masyarakat yang dipercayai oleh masyarakatnya.

34 Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines. Coolies, Squatters and New Villagers in the Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 62; P.C. Campbell, *Chinese Coolie Emigration to Countries within the British Empire*, London: P.S. King and Son Ltd., 1923, hlm. 136; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 65-66.

35 Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 440.

36 Ho Hui Ling, "Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan Terhadap Masalah dan Langkah Kerajaan Memenangi Sokongan Penduduk di Kawasan Penempatan Semula", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 32, 2004, hlm. 107.

37 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 64-65.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

Kumpulan ini dibentuk untuk mempertahankan kampung atau kawasan petempatan mereka sendiri daripada ancaman tentera Jepun.³⁸

Demi menjalankan hubungan dengan pemimpin politik kiri Melayu, pihak Jepun membenarkan penubuhan pasukan tentera sukarela Melayu (*Giyu Gun*) dengan tujuan bagi membantu Jepun menjaga keselamatan negara. Namun demikian, pada awal tahun 1944, *Giyu Gun* telah mengadakan pakatan kerjasama secara sulit dengan MPAJA yang dikuasai oleh komunis dan bergerak bersama secara bawah tanah untuk menentang Jepun dan British bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.³⁹ Walau bagaimanapun, rancangan mereka tidak dapat dikembangkan kerana kekurangan kuasa dan pengaruh. Melalui kerjasama itu dapat dilihat penentangan orang Cina melalui MPAJA terhadap Jepun dan berpakat dengan pasukan tentera sukarela Melayu demi matlamat perjuangan yang sama, iaitu menentang penjajahan.

Unit-unit MPAJA telah melaporkan bahawa mereka berjaya membunuh seramai 2,542 orang pensusahat Jepun dan tentera Jepun di Tanah Melayu pada zaman Perang Dunia Kedua (Zaman Pendudukan Jepun).⁴⁰ Golongan yang dianggap sebagai pensusahat Jepun itu terdiri daripada semua kaum termasuklah orang Cina, Melayu dan India. Begitu juga, pemimpin Cina yang terlibat dalam OCA turut menjadi sasaran MPAJA kerana mereka dilihat sebagai golongan yang bekerjasama dengan pihak Jepun pada zaman Perang. Selain itu, orang Cina, Melayu dan India yang disyaki bekerjasama dengan pentadbiran Jepun turut menjadi sasaran MPAJA dalam menghapuskan musuh mereka.

Kezaliman tersebut memuncak kepada pergaduhan yang besar apabila orang Melayu mengambil tindak balas terhadap orang Cina di kawasan luar bandar. Misalnya, di Sungai Manik, Batu Kikir, Perak, orang Melayu mengamuk terhadap orang Cina kerana MPAJA masuk ke kampung dan menangkap ayam, mengambil sayur dengan membawa senapang patah.⁴¹ Di Johor, pertelingkahan lebih berleluasan, dan menyebabkan 10,000 penduduk menjadi pelarian di Muar dan 4,000 di Batu Pahat.⁴² Di beberapa tempat seperti Kuala Lipis dan Bentong, Pahang; Banting, Selangor serta Kota Bharu, Kelantan, komunis melakukan keganasan ke atas penduduk tempatan, merompak harta dan merampas rumah mereka. Di Ulu Jempul, Negeri Sembilan, MPAJA memasuki kampung untuk menubuhkan pertubuhan, mengutip yuran keahlian dan derma, memberi ceramah serta menyebarkan

38 Namun demikian, mengikut Bryan C. Cooper dalam bukunya, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 446-447, kumpulan itu kemudian telah menjadi "samseng" yang menjalankan pelbagai kejahatan di Tanah Melayu. "Instead many degenerated into gangs of robbers and bandits, given to rape, looting and terrorism".

39 Maklumat lanjut tentang persetujuan kerjasama antara MPAJA dengan *Giyu Gun* di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob, lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 71-72.

40 Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya & The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 444.

41 Peristiwa itu dinyatakan oleh Yang Bahagia Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris dalam Rancangan Wadah Warisan, siaran Stesen Radio Tiga Seremban. Lihat P.R. 25/95, Penyerahan Jepun dan Kebangkitan 'Malayan Peoples Anti-Japanese Army' (MPAJA).

42 *The Straits Times*, 2 December 1989, hlm. 8. Rujuk juga Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia: A History of The Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 41-42.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
 PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

propaganda anti-British dan mengagung-agungkan keupayaan komunis.⁴³ Malahan, mereka telah menduduki Gua Musang, Kota Bharu, Kelantan dan beberapa bandar serta kampung lain dengan mengisytiharkan diri mereka sebagai tuan. Mereka juga mendirikan sekatan jalan, menghentikan keretapi dan bas, memeriksa setiap kenderaan dan semua penumpang, memasuki kampung Melayu dan Cina dengan tujuan untuk mencari polis, detektif, penyampai maklumat dan pensubahat lain.⁴⁴ Apabila pembalasan ini diperluaskan meliputi kampung Melayu, kekejaman antara kaum meletus. Pada 6 November 1945, perkelahian di antara orang Melayu dengan Cina tercetis di Padang Lebar, Negeri Sembilan, yang mengakibatkan 40 orang terbunuh. Pertempuran kaum juga berlaku di beberapa daerah seperti di Batu Pahat, Johor. MPAJA menyerang kampung Melayu untuk menunjukkan kehandalan dan kekuatan mereka serta membalas dendam ke atas orang Melayu yang didakwa pernah bersubahat atau menjadi ejen Jepun. Kejadian serupa juga berlaku di sekitar kawasan Sungai Manik, sekitar Bekor dan Lenggong di negeri Perak; Padang Lebar di Negeri Sembilan dan di Raub, negeri Pahang; Kluang dan Mersing di Johor serta di Melaka.⁴⁵

Pihak Jepun di Tanah Melayu menyerah kalah pada pertengahan Ogos 1945. Pentadbiran Tanah Melayu diambil alih oleh *British Military Administration* (BMA). Apabila BMA mengambil alih pemerintahan di Tanah Melayu bermula pada awal September 1945, pasukan MPAJA telah dibubarkan pada 1 Disember 1945. Sebagai ganjaran, BMA memberi sagu hati \$350 dan satu beg beras kepada setiap gerila tanpa mengira pangkat dan berjanji akan menolong mereka mendapat pekerjaan atau memulakan penghidupan baru. Lebih kurang 6,800 ahli MPAJA telah menyerah diri dan menerima bayaran sagu

43 Antara propaganda yang disebarkan oleh orang Cina:

- (a) Chinese, Indian and Malays should unite in Malaya because now the Chinese had won the war in Malaya and had driven out the Japanese.
- (b) In a short time the Chinese Chunking troop and the Russians will arrive in Malaya, they are on their way, they will be well supported by the Chinese Guerillas in the jungles of Malaya—hence we shall fly the flags of the Russia, the Chinese and three stars in Malaya
- (c) If the British should come back to Malaya, we should all unite together and chase them out.
- (d) We do not require the services of the high ranking Malay Officials any longer (The ablest can become the ruler).
- (e) Government of the former British Military Administration will not be recognised anymore unless and until they have been certified to be good citizens by the Chinese. These Government servants will be replaced by Chinese in every Department. The Ruler and chiefs of this State will be replaced by Chinese because this country now belongs to the Chinese (Don't think the Malays will ever rise again).

Dipetik daripada "Origin of Sino-Malay Animosity", dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 46/49, Monthly Reports on Labour Condition, Strikes and Disputes, 1949, hlm. 3.

44 Lihat Gwee Hock Aun, *The Emergency In Malaya*, Pulau Pinang: Sinaran, 1966, hlm. 16; Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 51; James P. Ongkili, "Darurat dan British, 1948-1960: Suatu Penilaian", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 6.

45 Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*, Singapore: Times Books International, 1979, hlm. 24-25. Lihat juga Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1983, hlm. 42-43; Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines. Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 64.

MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

hati.⁴⁶ Pada masa yang sama, British turut mengarahkan agar semua senjata yang diberikan oleh British kepada anggota MPAJA semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan. Ramai daripada anggota MPAJA bersetuju untuk membubarkan rejimen masing-masing, namun begitu beribu-ribu alat senjata yang mereka perolehi semasa zaman pendudukan Jepun disembunyikan oleh komunis dalam hutan.⁴⁷ Ini bertujuan untuk melengkapkan PKM bagi mencapai matlamat mereka, iaitu menubuhkan Republik Komunis Malaya. Dengan itu, jelas membuktikan bahawa sebenarnya PKM tidak jujur dalam menjalankan kerjasama dengan British. PKM mengambil kesempatan dengan memanfaatkan senjata yang dibekalkan oleh British semasa perang untuk kepentingan sendiri.

Kesimpulan

Pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, orang Cina telah mendapat layanan yang buruk daripada pentadbiran Jepun. Bagi orang Cina yang disyaki anti-Jepun telah diserang dan dibunuh. Begitu juga, orang Cina yang tidak bekerjasama dengan Jepun dilayan dengan kejam. Selain itu, pentadbiran Jepun telah mengenakan tekanan ekonomi terhadap orang Cina dengan menuntut wang bayaran kerana kegiatan anti-Jepun orang Cina. Tindakan Jepun itu telah mendatangkan banyak kesusahan dan penderitaan kepada orang Cina di Tanah Melayu. Kesan daripada tekanan pentadbiran Jepun itu telah menyebabkan orang Cina menyertai gerakan anti-Jepun yang dijalankan oleh MPAJA pada zaman itu. Masyarakat Cina memberi bantuan kewangan, material dan senjata kepada gerila MPAJA untuk menentang Jepun yang melakukan kekejaman terhadap mereka. Belia-belia Cina juga bertindak menyertai MPAJA dan MPAJU untuk menentang Jepun. MPAJU ditubuhkan untuk melengkapi gerakan MPAJA dengan membekalkan pelbagai keperluan bagi gerila MPAJA dalam menentang tentera Jepun.

Penaklukan Jepun di Tanah Melayu sebenarnya memberi rahmat tersembunyi kepada pihak komunis. Ini kerana pada zaman ini pihak komunis mendapat bantuan ketenteraan, peralatan senjata dan latihan daripada pihak British yang membolehkan mereka mengukuhkan kedudukannya. Pada masa yang sama, komunis melalui MPAJA dan MPAJU telah berjaya memperluaskan pengaruhnya di kalangan masyarakat Cina. Orang Cina yang ingin mencari perlindungan daripada kekejaman Jepun telah menyokong gerakan komunis

46 Dato' J.J. Raj, Jr, *The War Years & After*, Selangor: Pelanduk Publications, 2000, hlm. 59; Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 14. Lihat juga Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 59; Sabda S & Wahba, *Musa Ahmad Kembali Kepangkuan*, Selangor: Tra-Tra Publishing & Trading Co., 1981, hlm. 117-118; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 259; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 314; C.C. Too, "The Communist Party of Malaya and Its Attempts To Capture Power", hlm. 4 dan 48. Rujuk juga *Background Information and Material For Speakers – The Emergency and Anti-Bandit Month*, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya, 1950, hlm. 5; Surat seorang Pegawai Polis di Pahang yang ditempatkan di Mentakab, dalam C.O. 717/168/52849/5/Pt. 1, Law and Order, Miscellaneous Correspondence, hlm. 50-51.

47 *Facts About Malaya*, Jabatan Penerangan Kuala Lumpur, 1952, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 273/52, Pamphlet: Facts About Malaya; *British Malaya*, Vol. 23, No. 9, January 1949, hlm. 143.

ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU, 1941-1945:
PENENTANGAN ORANG CINA MELALUI MPAJA

itu. Menjelang kekalahan Jepun di Tanah Melayu, MPAJA merupakan pasukan bersenjata yang kuat dengan bilangan anggota ramai, pengalaman berperang secara gerila dan peralatan senjata yang digunakan semasa menentang Jepun.

Setelah Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, MPAJA menampilkan diri untuk menegakkan kekuasaan di pekan dan bandar dan melakukan banyak kekacauan serta kezaliman di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, dengan kembalinya British di bawah BMA, MPAJA telah dibubarkan pada Disember 1945 sebagai langkah untuk memulihkan keamanan di Tanah Melayu. Namun demikian, semangat perjuangan komunis masih diteruskan sehingga Undang-undang Darurat terpaksa diisytiharkan di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 oleh Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu. Berikutnya, PKM diharamkan dan pihak komunis terpaksa berundur ke dalam hutan untuk mengatur langkah seterusnya, iaitu gerakan bersenjata. Sepanjang zaman Darurat (1948-1960), komunis melakukan pelbagai kegiatan kejahatan dan keganasan, melancarkan serangan ke atas orang awam, pasukan keselamatan dan orang Eropah, memusnahkan harta benda penduduk dan negara, mensabotaj kemudahan awam dan sosial, serta mengganggu-gugat pekerjaan dan kehidupan penduduk. Kegiatan-kegiatan komunis itu menyebabkan penduduk terpaksa menanggung penderitaan dan kesusahan dalam kehidupan mereka. Zaman Darurat hanya berakhir pada 31 Julai 1960 setelah pihak komunis semakin lemah dan serangan komunis ke atas pelbagai pihak di Tanah Melayu telah berkurangan.⁴⁸



48 Maklumat lanjut tentang gerakan komunis dan Zaman Darurat di Tanah Melayu, sila rujuk Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.